BAB EMPAT

ANALISIS TOKOH DAN PEMIKIRAN MEREKA

"Tumbuh berpunca

Punca penuh rahsia

Tumbuh tidak menunjak lawan

Memanjat tidak memaut kawan

Tapi melengkar penuh mesra."

(Dipetik daripada Aziz Deraman, 1992:29)

Pengenalan.

Petikan di atas adalah sebahagian daripada falsafah pemikiran dalam seni ukiran kayu Melayu. Ia menerangkan tentang pergerakan daun dan batang pada ukiran kayu Melayu dan pergerakan tersebut mencerminkan nilai-nilai sosial yang didukung oleh Orang Melayu.

Di dalam bab ini pengkaji akan melanjutkan lagi perbincangan berkenaan diri tokoh-tokoh dan pemikiran mereka. Tumpuan kajian yang dibuat bukan sekadar menumpukan kepada pemikiran tokoh terhadap ukiran mereka sahaja

tetapi turut membincangkan pada aspek cara kerja dan pengurusan yang dijalankan oleh mereka.

Pengkaji merasakan perlu untuk melihat bukan sahaja kepada pemikiran pengukir terhadap ukiran mereka tetapi pemikiran yang lebih menyeluruh kerana bagi pengkaji setiap yang diperkatakan oleh para pengukir ini sebenarnya harus diketengahkan juga.

Selain itu dirasakan juga dengan melihat cara mereka bekerja dan merancang segala program dalam mengembangkan seni ukir ini dapatlah semua pihak sama ada para pengukir atau peminat seni itu sendiri berkongsi maklumat dan bertukar-tukar fikiran dalam mencari satu bentuk penyelesaian yang dirasakan sesuai untuk digunakan dalam menyumbang kepada pembentukan satu kesenian yang boleh dibanggakan oleh semua.

Dalam membincangkan seni ukiran kayu ini sebenarnya pengkaji boleh mengesan perbezaan yang terdapat di kalangan ketiga-tiga tokoh yang dikaji. Ini kerana seni ukiran Melayu tidak terlepas daripada menerima sentuhan pelbagai kepercayaan yang pernah melingkari kehidupan orang Melayu dan latar belakang tokoh itu sendiri yang berbeza.

Sebelum kedatangan Hindu-Buddha lagi Orang Melayu sudahpun mula berjinak-jinak di dalam menghasilkan barangan-barangan keperluan harian

mereka seperti peralatan memasak dan senjata. Tetapi barangan tersebut amat sukar ditemui kerana telah banyak yang rosak akibat bahan yang digunakan mudah reput dan dimakan usia.

Namun bergitu bagi ukiran yang dihasilkan pada waktu perkembangan Hindu-Buddha dan Islam dan masih terpelihara, boleh dilihat perbezaan yang terdapat pada ukiran-ukiran ini. Atas sebab itulah dalam mengkaji ketiga-tiga tokoh ini pengkaji dapat melihat perbezaan pemikiran mereka kerana melihat pada faktor masa yang dilalui oleh mereka.

Kira-kira 2000 tahun yang lalu, yakni pada zaman pengaruh budaya Hindu-Buddha bermula terdapat perubahan kepada kebudayaan Melayu asli, perubahan kepada budaya Hindu-Buddha ini amat kuat pada awal perkembangannya dan semakin berkurangan apabila pengaruh Islam mula meresap ke dalam budaya Melayu.

Di peringkat awal perkembangan pengaruh Islam dapat dilihat perubahan yang berlaku pada budaya Melayu, iaitu cuba menyesuaikan budaya dari Hindu-Buddha yang pernah diamalkan ke dalam agama baru mereka. Dengan itu pada awal perkembangan Islam masih boleh dikesan amalan tertentu yang diambil dari pengaruh Hindu-Buddha dengan banyaknya, tetapi pada waktu-waktu terdekat ini pengkaji boleh melihat pengurangan penyerapan budaya Hindu-Buddha ini dalam budaya Melayu.

Tetapi seperti yang dikatakan di awal-awal tadi, sayangnya banyak peninggalan warisan dari kebudayaan anismisme dan Hindu-Buddha ini tidak dapat dilihat dan mengkajinya kerana musnah oleh keadaan masa. Perkara yang tinggal untuk dikaji ialah pemikiran yang dapat difikirkan setelah melihat artifak-artifak atau peninggalan yang masih terselamat di zaman awal penerimaan pengaruh Islam ke dalam budaya Melayu dan dalam masa yang sama, pengkaji akan melihat bagaimana pula pemikiran yang ada pada generasi selepas itu.

4.1 Kaedah Analisis Pengkaji.

Dalam membuat analisis ini pengkaji memerlukan beberapa kaedah pendekatan. Pendekatan yang akan pengkaji gunakan adalah 'pendekatan estetika' di mana di dalamnya pengkaji boleh mencari erti kepada hasil sesuatu artifak itu dan pengkaji boleh melihat hubungan antara seniman yang menghasilkan terhadap hasil seni, menyorot idea dan sumber impirasi serta melihat makna di sebaliknya. Pendekatan yang akan pengkaji gunakan adalah secara objektif, subjektif dan pendekatan secara relatif.

Pendekatan secara objektif adalah melihat bahawa makna yang diberikan oleh pengukir terhadap sesuatu barangan seni itu sama dengan makna yang diberikan oleh pemerhati seni. Ini bermakna pengkaji ingin melihat bahawa ada satu sistem yang telah didukung oleh kelompok masyarakat itu. Melalui

pendekatan ini pengkaji boleh juga melihat dan mengkaji aspek luaran atau fizikal sesuatu karya itu.

Pendekatan secara subjektif pula bertujuan untuk melihat keindahan dan makna seni daripada perspektif selera individu, iaitu apa yang dikatakan indah dan bermakna oleh seseorang itu tidak semestinya diterima oleh orang lain. Setiap individu berhak menyatakan bahawa apa yang dirasai dan apa juga yang diingininya.

Setiap penilaiannya adalah tersendiri dan unik. Ini berlaku kerana pengalaman yang berbeza, latar pendidikan yang tidak serupa dan juga perbezaan budaya yang menjadi asas pegangan mereka. Kelemahan pendekatan ini adalah member kebebasan kepada seseorang penilai seni dan juga pengkarya itu membuat keputusan tentang sesuatu hasil karya itu dengan selera masing-masing tanpa mengkaji dengan lebih mendalam kebenarannya atau menggunakan kaedah tertentu.

Pendekatan relatif sebenarnya merupakan satu kaedah untuk cuba merapatkan jurang perbezaan antara dua pendekatan di atas. Golongan yang menggunakan kaedah ini percaya memang benar bahawa 'keputusan' selera seseorang berhak menentukan sesuatu yang dibicarakan itu tetapi dalam masa yang sama kita tidak boleh menolak bahawa memang ada unsur-unsur tertentu yang perlu didukung dalam kita hendak membicarakan sesuatu karya itu. Oleh itu

dalam menggunakan kaedah ini pendidikan dan taraf ilmu yang perlu ada pada seseorang penilai atau pengkarya itu merupakan pra-syarat utama dalam menggunakan kaedah pendekatan secara relatif ini.

Untuk mengkaji atau melihat pemikiran ketiga-tiga tokoh ukir ini bukanlah satu perkara yang mudah. Pengkaji memerlukan sedikit pemerhatian dan kesabaran dalam usaha mendapatkan maklumat. Oleh itu pengkaji terpaksa menggunakan pelbagai kaedah atau pendekatan seperti yang dinyatakan di atas, oleh itu perbezaan dari segi maklumat yang diperolehi adalah berbeza bergantung kepada tindakbalas atau 'respons' tokoh-tokoh yang dikaji itu.

4.2 Ukiran Kayu Sebagai Pencetus Pemikiran Melayu.

Pengenalan.

Ukiran kayu merupakan seni pertukangan yang menjadi satu tradisi dalam masyarakat Melayu sejak turun temurun lagi. Menghasilkan sebuah karya seni ukir memerlukan kemahiran bermula daripada memilih kayu, memproses kayu, memilih dan melukis motif ukiran hinggalah mengukir silat dengan menggunakan pahat atau pisau.

Oleh itu dalam proses menghasilkan karya seni ini, pengukir atau seniman memerlukan sedikit pemerhatian atau tumpuan dan segala usaha yang dilakukan banyak bergantung kepada latar belakang diri termasuklah pendidikan, keluarga

atau keturunan, zaman atau tahun, kepercayaan, agama, pendirian peribadi, identiti diri dan persekitaran setempat.

Dalam usaha pengkaji mendapatkan maklumat ini pengkaji perlu melihatnya daripada pelbagai sudut, dengan ini dapatlah pengkaji melihat perbezaan yang wujud di kalangan tokoh-tokoh yang dipilih. Seperti yang telah ditegaskan perbezaan ini juga bukan sengaja diwujudkan oleh pengkaji tetapi ia lahir dengan sendirinya atas sebab-sebab perbezaan latar belakang tokoh itu sendiri.

4.2.1 Analisis Pemikiran Wan Su Othman.

Seni ukir kayu ini ialah suatu bentuk kesenian tradisi. Peranannya lebih menjurus kepada bentuk yang ingin menonjolkan status kepada pemiliknya sebelum dimasuki unsur-unsur modenisme. Ia sesuai dengan perkembangan masyarakat Melayu itu sendiri yang pada peringkat awalnya dipengaruhi oleh kepercayaan tradisi kuno atau anismisme nenek moyang mereka. Oleh itu tidak hairanlah jika ia menjadi medan untuk meluahkan perasaan yang tersimpan di jiwa pengukir.

Secara semulajadi semua insan normal mempunyai wawasan atau matlamat dalam hidupnya. Justeru dari sini akan lahirlah satu perasaan bagaimana hendak melakukan sesuatu itu dengan cara yang terbaik. Bagi Wan Su Othman

sendiri dalam beliau menghasilkan karya terdapat beberapa komponen penting dalam hasil karyanya iaitu aspek rupa bentuk, kehalusan dan makna di sebalik ukirannya. Pada dasarnya rupa bentuk dan kehalusan adalah komponen terpenting tetapi makna jiwa kepada ukirannya juga merupakan sesuatu yang tidak boleh dilupakan.

Pada beliau tiap-tiap komponen itu mempunyai penekanan tersendiri dan ianya perlu difahami oleh semua. Penyelidikan ini akan cuba memperlihatkan mengapa Wan Su Othman berkata demikian dan rasionalnya kepada kita. Pertama sekali apabila pengkaji mengkaji tentang peribadi seseorang, pengkaji sedikit sebanyak perlu mengetahui latar belakangnya. Ini kerana dengan mengetahui latar belakangnya barulah pengkaji boleh memahami mengapa seseorang itu bersikap demikian.

Sebagaimana yang telah dinyatakan pada peringkat awal kajian ini, Wan Su Othman adalah seorang tokoh yang begitu lama berkecimpung dalam lapangan seni ukiran ini. Ilmu pengetahuan tentang seni ukiran kayu yang ada pada beliau sudah seharusnya tidak wajar dipertikaikan.

Berdasarkan penceritaan beliau, pada awal penglibatan beliau dalam seni ukiran ini dan pelbagai aktiviti kesenian lain, pengaruh dari peninggalan Hindu-Buddha mahupun beberapa kepercayaan anismisme masih kuat di kalangan masyarakat Melayu. Walaupun agama Islam sudah diterima tetapi masih ada

beberapa amalan dan kepercayaan lama yang masih dipegang oleh orang Melayu. Ini kerana mereka telah sebati dengan amalan itu dan beberapa kepercayaan dan amalan yang dirasakan tidak begitu betentangan dengan akidah masih terus diamalkan. Selain itu cara mereka atau pemikirannya juga masih dipengaruhi amalan dan kepercayaan lama ini.

Dalam melihat pemikiran yang ada pada Wan Su ini kita tidak boleh menafikan bahawa sedikit sebanyak beliau dipengaruhi oleh pemikiran tradisi. Ini dapat pengkaji kesan melalui cara beliau menghasilkan karyanya. Sebagaimana yang diketahui umum masyarakat tradisi amat berpegang kuat kepada amalan-amalan dan nilai budaya bangsa.

Pada waktu itu anasir luar yang tidak sihat (budaya kuning) belum meresap ke dalam jiwa orang Melayu. Nilai-nilai bangsa Melayu bergitu ketara, mereka sentiasa berpegang kepada nilai dan kepercayaan tertentu yang mana ia secara tidak langsung menjadi peraturan masyarakat.

Antara nilai yang menjadi pegangan utama orang Melayu adalah nilai kehalusan. Kehalusan ini merujuk kepada kehalusan motif seni ukiran, kehalusannya dari sudut kerja yang cermat dan teliti dan dihasilkan dengan pelbagai cara. Nilai kesabaran yang ada pada orang Melayu ini membolehkan mereka menghasilkan sesuatu itu dengan teliti dan halus.

Merujuk kepada apa yang dikatakan oleh Wan Su, pengkaji dapat melihat akan kebenarannya. Kebanyakan karya yang dihasilkan oleh beliau didapati buatannya amat halus. Atas sebab itulah untuk memenuhi sesuatu permintaan beliau terpaksa mengambil masa yang lama bagi menyiapkannya. Namun begitu pengkaji merasakan sesetengah ukiran yang dihasilkan pada hari ini agak kurang nilai kehalusannya kerana kebanyakan ukiran yang dihasilkan pada masa ini menggunakan mesin.

Walaupun mereka dapat menghasilkan jumlah atau kuantiti yang banyak tetapi dari segi kualiti sebenarnya amat berkurangan. Ini juga dipengaruhi oleh nilai budaya yang dipegang oleh masyarakat Melayu hari ini yang terlalu bersifat kebendaan atau material. Para pengukir atau seniman lebih mengutamakan wang daripada karya mereka. Kerana ingin memenuhi permintaan yang banyak mereka terpaksa mengambil jalan mudah dalam menghasilkan karya.

Daripada wawancara yang dilakukan, pengkaji turut merasakan bahawa kebanyakan pengukir yang ada pada hari ini tidak lagi mengetahui rahsia di sebalik karya yang dihasilkan, pada mereka apa yang dihasilkan itu sekadar suatu hiasan tanpa memikirkan bahawa para pengukir lalu turut memikirkan sesuatu mesej yang boleh disampaikan terutamanya yang mengandungi nilai-nilai murni melalui hasil-hasil karya mereka. Dengan adanya maksud di dalam karya itu barulah karya itu dianggap lengkap dan sempurna.

Sebenarnya dalam pengkaji melihat dan mengkaji perkara ini didapati ada kebenarannya. Seperti yang dikatakan di awal-awal tadi, masyarakat Melayu dahulu amat berpegang kuat kepada nilai tradisi dan untuk memperkukuhkan nilai ini telah menjadi tanggungjawab mereka untuk berpesan-pesan atau memberi peringatan antara satu sama lain. Melalui karya seni, pengukir menjadikannya sebagai medan melakukan ibadah bagi mendapat keredhaan Allah S.W.T.

Melalui hasil karya ini secara tidak langsung orang Melayu juga dapat menunjukkan kesopanan dalam menegur kesilapan seseorang. Sebagaimana yang kita ketahui orang Melayu adalah masyarakat yang suka 'berlapik' dalam perbualan harian mereka. Melalui gaya ukiran pada motif mereka sebenarnya mahu menyatakan sifat yang perlu ada pada orang Melayu.

Dengan adanya penyataan sifat-sifat atau nilai bangsa Melayu, pengukir mengharapkan ia akan membawa kepada keharmonian dan kerukunan bangsa Melayu itu sendiri. Ini akan membawa kepada bangsa Melayu itu menjadi lebih disegani dan keunggulan bangsa Melayu dapat dimartabatkan.

Selain daripada itu melalui karya yang bersifat demikian kita juga secara tidak langsung dapat menzahirkan identiti kita yang sebenarnya dalam ukiran itu. Ini juga dapat mengelakkan daripada kita 'dicap' sebagai peniru dalam menghasilkan sesuatu karya. Dengan adanya motif dan bentuk tertentu dalam

ukiran ia menjadikan ukiran kita mempunyai kelainan jika dibandingkan dengan ukiran atau ciptaan bangsa lain.

Di dalam membincangkan seni ukiran ini pengkaji mendapati ada juga beberapa kelebihan yang terdapat pada ukiran-ukiran tradisi ini. Antaranya terdapat ukiran yang mempunyai maksud dan rahsia yang membolehkan pengkaji mengetahui tentang sesuatu cerita di sebalik karya itu. Secara tidak langsung ia akan membawa pengkaji untuk mengetahui sejarah masa lalu.

Dalam pemerhatian pengkaji, pada masa lalu yakni pada peringkat awal, ukiran yang dijumpai di istana-istana atau kota adalah berbeza dengan ukiran yang boleh ditemui di rumah-rumah rakyat kebanyakan, ini menjelaskan kepada semua bahawa terdapat perbezaan status yang ketara pada masa lalu dan perbezaan ini diperjelaskan juga dalam ukiran-ukiran. Ukiran yang dimiliki oleh golongan atasan adalah lebih halus dan bermutu dari segi penggunaan kayu, motif dan teknik ukiran berbanding kepunyaan rakyat biasa.

Selain daripada pandai mengukir pada kayu, orang Melayu juga pandai mengukir pada batu. Pengukir-pengukir ini dikatakan juga memikirkan sesuatu yang boleh disampaikan melalui hasil yang dibuat. Ini menjelaskan kepada semua bahawa memang terdapat cerita di sebalik sesuatu karya itu.

Berdasarkan pemerhatian beberapa orang sarjana seperti Dr. Othman Mohd Yatim, ukiran pada batu nisan misalnya adalah berbeza dengan ukiran yang diletakkan di bahagian rumah dan istana. Kebanyakan batu nisan berbunga kuncup manakala bunga pada ukiran rumah adalah yang sedang mekar. Di sini menjelaskan bahawa para pengukir ini berfikir terlebih dahulu tentang susun letak sesuatu ukiran itu sebelum mengukirnya.

Kemahiran berfikir ini adalah bertujuan menyampaikan sesuatu nasihat kepada masyarakat. Bunga yang kuncup itu dikatakan lambang kesedihan, keinsafan, rasa rendah diri dan takut kepada kekuasaan Allah S.W.T. Antara bunga yang paling kerap digunakan ialah bunga teratai ia sering digunakan kerana dikatakan ia melambangkan kesucian dan simbol kepada kelahiran dan kematian. (Othman Mohd Yatim, 1986 : 142). Selain itu bunga teratai juga sering digunakan kerana perlambangan yang dibawanya[1].

Walaupun sebelum kedatangan Islam, masyarakat Melayu sebenarnya sudah mempunyai nilai-nilai sosial mereka yang tersendiri. Tetapi kerana kuatnya pengaruh Hindu-Buddha kita dapat melihat mereka masih menggunakan pohon teratai sebagai motif utamanya. Malahan makna yang diberikan kepada pohon teratai ini menyamai makna dalam kesenian pra-Buddha. (Othman Mohd Yatim, 1986 : 142)

[1] Daripada analisis dan tulisan-tulisan lalu didapati bunga teratai juga mempunyai hubungan yang rapat dengan masyarakat Melayu. Makna yang diberikan kepada bunga teratai itu diambil daripada fahaman Hindu-Buddha tetapi telah diubah dari aspek akidah. Ini dapat kita lihat melalui tulisan oleh Abdullah Mohamed atau Nakula bertajuk *Falsafah dan Pemikiran Orang Melayu*.

Melihat daripada apa yang diperkatakan oleh Wan Su, pengkaji mendapati ada kebaikannya jika kita memberikan makna kepada ukiran-ukiran ini. Pengkaji menyatakan demikian kerana ia boleh menimbulkan minat kepada seseorang itu untuk memiliki sesuatu hasil ukiran.

Seseorang yang ingin membuat tempahan boleh menceritakan terlebih dahulu akan keinginannya iaitu apa yang diinginkan dalam ukiran tersebut. Kemudian pengukir boleh mendapatkan hasilnya daripada gambaran itu. Contohnya apabila Sultan Selangor menginginkan sebuah ukiran yang mengambarkan kemakmuran negerinya dan Sultan sebagai penaung kepada rakyatnya.Wan Su dan anaknya Wan Mustapha telah berjaya memenuhi permintaan tersebut. Daripada wawancara yang dibuat menurut mereka pohon sembong dan pokok peria telah dipilih kerana sifat tumbuhan tersebut. Pohon Sembong bersifat melindungi atau memayungi tumbuhan dibawahnya manakala pokok peria kerana sifat kegagahan, cantik, cerdik dan agresif.

Sebenarnya di sini apa yang dapat pengkaji gambarkan bahawa kita bukan sekadar boleh membuat tempahan tetapi tempahan yang dibuat itu memberi makna kepada kita. Secara tidak langsung ia adalah salah satu cara yang akan mengembangkan lagi perusahaan seni ukiran ini kerana pembeli boleh berkongsi sama dalam menyumbangkan idea.

Sebagaimana yang kita ketahui kebanyakan manusia itu mempunyai keinginan yang berbeza-beza, bak kata pepatah Melayu '*rambut sama hitam tetapi hati lain-lain*'. Memberi kebenaran pelanggan membuat tempahan mengikut selera mereka akan memberikan mereka kepuasan yang lebih.

Selain daripada itu jika kita kaji tulisan oleh Nakula, kita akan dapati kemungkinan pada masa itu simbol dan perlambangan dari Hindu-Buddha sengaja diambil kerana orang Melayu pada masa itu masih berpegang kuat kepada agama Hindu-Buddha ini.

Sebagai langkah untuk menyerapkan Islam maka beberapa pengaruh dan budaya dari Hindu-Buddha sengaja digunakan untuk tujuan mempengaruhi mereka. Mengaitkannya secara demikian sedikit sebanyak boleh mengajak orang Melayu pada masa itu untuk mendekati Islam.

Sebagaimana yang kita ketahui agama Islam amat bertoleransi dalam soal-soal budaya, asalkan ia tidak bercanggah dengan syariat Islam itu sendiri. Malahan budaya yang dianjurkan oleh Islam sebenarnya bukanlah budaya Arab. Arab dan Islam adalah dua perkara yang berbeza. Seorang yang berbangsa India atau Cina tidak perlu mengikut amalan dan budaya Arab walaupun mereka beragama Islam. Mereka boleh kekal dengan budaya mereka asalkan syariat Islam sentiasa dipatuhi.

Demikianlah antara kebaikan yang boleh ditemui daripada pemikiran yang diutarakan oleh Wan Su. Pendapat yang dikemukakannya itu memang sesuatu yang berasas dan boleh difikirkan bersama. Dalam mempejuangkan seni, kepada beliau kita tidak harus melupakan peranan pendakwah dalam menyebarkan syiar Islam.

Dalam membincangkan aspek kerja dan pengurusan Wan Su, pengkaji dapati beliau seorang yang sangat cekap dalam mengatur perancangan bagi memenuhi permintaan pelanggannya. Dengan usia yang sudah lanjut dan tenaga yang semakin berkurangan, beliau tidak lagi menjalankan kerja-kerja mengukir sebaliknya telah menyerahkan hampir kesemua tugas-tugas itu kepada anak beliau iaitu Wan Mustapha.

Apa yang pengkaji dapati beliau kini lebih menumpukan kepada kerja-kerja menurunkan ilmu kepada anak dan para pekerjanya. Kesibukan di bengkel beliau dapat pengkaji rasai sepanjang pengkaji menjalankan penyelidikan. Dengan permintaan yang banyak beliau terpaksa menggunakan ramai tenaga pekerja. Selain bertujuan untuk memudahkan beliau memenuhi setiap tempahan, dengan cara ini beliau dapat menyebarkan ilmu dan kemahiran ukiran ini dengan lebih meluas.

Daripada pemerhatian, pengkaji merasakan Wan Mustapha iaitu anak kepada Wan Su harus memikirkan cara untuk membesarkan bengkelnya. Ini

kerana bagi memenuhi tempahan yang banyak sebuah bengkel yang lebih besar dan selesa diperlukan. Tambahan pula persaingan yang diberikan oleh para pengukir baru dan muda seharusnya tidak dipandang ringgan.

Perbincangan berkenaan pemikiran Wan Su ini tidak harus melupakan untuk melihat dari aspek kelemahannya juga. Ini kerana daripada analisis yang dilakukan didapati apa yang dinyatakan sebenarnya ada kelemahan yang perlu diatasi oleh semua pihak sama ada pengukir atau penikmat seni itu.

Daripada aspek akidah adalah dikhuatiri orang Melayu akan mudah menyeleweng atau tersalah tafsiran. Dari gambaran yang dinyatakan oleh Nakula misalannya beliau telah meletakkan perlambangan zat Allah dengan tangkai teratai. Sedangkan sebenarnya zat Allah itu tidak boleh dilihat manusia dan zat Allah juga adalah bersifat kekal.

Ini berbeza sama sekali kerana batang teratai pula boleh dilihat dan juga boleh dimusnahkan. Pengkaji bimbang jika seseorang itu tidak mendalami ilmu agama dengan sewajarnya ia akan mudah menyeleweng dan akan membawa pula kepada kesesatan.

Seharusnya zat Allah itu tidak boleh diperlambangkan dengan apa jua yang ada di muka bumi ini termasuklah udara atau angin itu sendiri. Jika ada yang menyatakan zat Allah itu umpama angin yang dibekalkan kepada manusia ia juga

adalah satu kesilapan yang harus difikirkan. Ini kerana berkemungkinan suatu hari nanti manusia mempunyai kaedah atau teknologi untuk melihat zarah-zarah angin ini.

Selain daripada itu pengkaji merasa bimbang sekiranya kaedah perlambangan ini digunakan, ia boleh mengingatkan orang Melayu kepada agama asal mereka atau amalan-amalan Hinddu-Buddha itu sendiri. Tanpa menggunakan pendekatan lain dan terlalu bergantung kepada pendekatan secara asimilasi ini ia akan membawa orang Melayu untuk kembali mempercayai kepada amalan karut marut yang diajarkan dari fahaman Hinddu-Buddha ini seperti yang terdapat dalam mitos-mitos karya Melayu.

Dalam keadaan dunia yang semakin mencabar ini adalah dibimbangkan masih terdapat pihak-pihak yang akan mengambil kesempatan untuk membawa manusia kepada kesesatan. Sebenarnya apabila orang Melayu cuai dan tidak berhati-hati dalam memperjuangkan seni ini ia mudah untuk terkeluar dari landasan Islam dan membawa manusia kepada kesyirikan. Seharusnya perkara-perkara yang boleh mengingatkan atau menghampiri kepada kesyirikan ini dijauhi atau dicegah. Bak kata orang Melayu *'mencegah adalah lebih baik dari merawat'*.

Selain daripada itu juga dengan menggunakan perlambangan dari Hindu-Buddha ini ia menjejaskan kredibiliti budaya Melayu itu sendiri. Apa yang

dimaksudkan ia seolah-olah menggambarkan bahawa orang Melayu tidak mempunyai satu identiti sendiri yang boleh didukung dalam menterjemah hasil karya mereka.

Walaupun agama Hindu-Buddha terlebih dahulu meresap ke dalam jiwa orang Melayu sebelum Islam tetapi daripada aspek nilai dan budaya sebenarnya orang Melayu ada jati dirinya, dan jati diri ini perlu dikekalkan bagi membezakan orang Melayu dengan bangsa India mahu pun Cina.

Tidak dinafikan adalah agak sukar untuk mencari perbezaan kerana dalam budaya Melayu proses asimilasi atau pengubahsuaian budaya luar yang sesuai boleh diterima tetapi sebagai pengkarya adalah tidak wajar untuk kita 'menyalin' atau meniru semua yang dibawa itu secara mutlak.

4.2.2 Analisis Pemikiran Abdul Latif Long.

'*Lain hulu lain parangnya*' bergitu juga halnya dengan tokoh yang kedua ini. Seperti yang telah pengkaji nyatakan sejak awal lagi bagaimana seseorang pengkarya itu hendak menyatakan hasratnya banyak terkandung dalam sesebuah ukiran yang dihasilkannya. Tetapi yang menjadi persoalannya adakah mesej atau maklumat yang hendak disampaikan itu sama?

Dari pengkajian yang dilakukan terhadap tokoh ini didapati penekanan yang diberikan oleh tokoh ini terhadap karya mereka sedikit berbeza. Pada Latif Long didapati beliau amat menekankan kepada teknik-teknik yang perlu ada pada sesebuah ukiran berbanding dengan falsafah atau rahsia di sebalik sesuatu ukiran itu.

Di sini ia menjelaskan kepada pengkaji bahawa Latif Long adalah seorang yang amat mementingkan teknik dalam menghasilkan sesuatu ukiran terutamanya teknik tradisional. Dari pengamatan yang dilakukan didapati ukiran pada masa ini hanya terbahagi kepada dua jenis ukiran sahaja iaitu *ukiran bersilat* dan *ukiran tidak bersilat*. Ini disebabkan pengukir yang ada pada hari ini tidak lagi mengetahui bahawa dalam ukiran bersilat sahaja tedapat lebih daripada tujuh jenis atau teknik.

Perbezaan teknik pada ukiran bersilat secara langsung akan dapat membezakan kepakaran yang ada pada seseorang pengukir itu. Oleh kerana tidak ramai lagi pengukir yang mengetahui teknik-teknik ini secara tidak langsung juga ia telah dapat menonjolkan kualiti ukiran yang dihasilkan oleh Latif Long.

Daripada pemerhatian pengkaji sendiri dirasakan ukiran yang dihasilkan oleh Latif Long lebih mendatangkan rasa kepuasan daripada aspek keindahan kerana kepelbagaian teknik penghasilannya menjadikan ukiran beliau lebih kelihatan 'hidup' dan segar.

Pengkaji berpendapat di dalam memberikan makna kepada ukiran, Cik Latif tidak bersetuju dengan pemaknaan yang diberikan kepada ukiran-uiran tersebut terutamanya pemaknaan-pemaknaan yang bersifat ketuhanan atau menyentuh hal-hal agama. Alasan yang diberikannya ialah beliau merasakan lebih berminat membincangkan pada aspek teknik ukiran yang semakin pupus daripada pengetahuan orang ramai termasuk para pengukir sendiri.

Fenomena ini menjelaskan beliau adalah seorang pengukir yang mempunyai pemikiran jangka panjang dalam menjaga salah satu khazanah negara yang hampir hilang ditelan zaman. Dengan menitik beratkan kepada hal ini ia boleh dijadikan satu garisan yang akan membezakan kualiti ukiran orang Melayu dengan bangsa-bangsa lain.

Tanpa memberi tumpuan kepada hal ini adalah dibimbangkan suatu hari nanti ukiran yang dihasilkan oleh orang Melayu akan hilang kualiti dan nilai keindahannya. Sebenarnya ukiran Melayu amat indah dan halus buatannya dan perkara ini perlulah dipelihara.

Selain dari itu dengan mengetahui pelbagai teknik ia boleh juga menghasilkan pendapatan yang lumayan. Dari apa yang diberitahu kepada pengkaji ukiran yang menggunakan teknik yang biasa akan dijual dengan harga yang rendah dan perbezaan harga ini sentiasa berubah mengikut kepada cara penghasilan ukiran itu.

Ini bermakna semakin berbeza teknik ukir yang digunakan maka hasilnya nanti adalah juga lumayan. Ini tidak bermakna Latif Long mementingkan bayaran tetapi menurut beliau apa yang dipentingkan adalah memenuhi selera untuk kepuasan pelanggan-pelanggannya. Sebagai manusia normal kita amat sukakan sesuatu yang cantik dan untuk mendapatkannya kita mestilah bersedia untuk mengeluarkan sedikit belanja.

Seperti yang diketahui Latif Long adalah seorang pengukir yang berasal dari keturunan yang memang terkenal sebagai pengukir sejak dahulu lagi. Oleh itu tidak hairanlah ilmu yang ada pada beliau tentang ukiran ini amat banyak sekali. Kemahiran yang ada padanya wajar dipelajari oleh pengukir lain.

Pengkaji turut merasakan bahawa Cik Latif adalah seorang yang boleh bertolak-ansur. Ini dapat dilihat apabila beliau masih boleh menerima sekiranya makna-makna yang diberikan itu hanya membincangkan pada aspek-aspek kemanusiaan dan kemasyarakatan sahaja dan tidak sesekali menyentuh hal-hal ketuhanan.

Kenyataan ini memang ada kebenarannya kerana pemaknaan tersebut boleh dijadikan garis atau panduan dalam mengenali nilai-nilai yang dipegang oleh masyarakat Melayu secara amnya dan juga pengukir itu secara khususnya. Selain itu pemaknaan yang bersifat kemanusiaan dan kemasyarakatan ini dijangka

tidak memainkan peranan yang besar, terutamanya dalam membawa kepada penyelewengan akidah.

Dengan ini ukiran yang dihasilkan oleh orang Melayu tidaklah terlalu kosong jiwanya. Masih ada pengisian jiwa yang boleh dilakukan dan pengisian ini perlulah difahami semua pengukir dan penikmat atau pembeli karya tersebut. Walau bagaimanapun tanpa pemahaman, bermakna segala rahsia itu akan tersimpan begitu sahaja dan menjadi sia-sia kerana mesej yang hendak disampaikan tidak menjadi realiti.

Daripada perspektif pengurusan dan cara bekerja pula didapati Latif Long adalah seorang yang sangat berdisiplin. Ini kerana beliau sangat menitikberatkan faktor kekemasan dalam membuat kerjanya. Sebab itulah keadaan pejabat dan bengkelnya sentiasa sahaja kemas dan bersih.

Selain itu beliau sangat mementingkan kerja-kerja pendokumentasian terhadap segala hasil kerjanya. Di dalam pejabatnya tersimpan pelbagai 'rahsia' dan kisah-kisah lalu. Antara rahsia yang disimpannya adalah berkaitan teknik-teknik ukiran. Di sini pengkaji boleh melihat segala usahanya sejak zaman muda beliau hinggalah ke hari ini. Pelbagai gambar, keratan akhbar dan cerita-cerita ringkas menyentuh latar belakang diri dan keluarganya tersimpan rapi di dalam pejabatnya itu.

Segala usaha yang dilakukannya itu menggambarkan bahawa beliau sangat menghargai kesenian warisan keluarganya ini. Malahan beliau turut menyediakan Buku Pelawat untuk ditandatangani oleh semua pengunjung dan penyelidik yang datang ke bengkelnya. Pengkaji juga turut dapat melihat senarai pelanggan-pelanggannya dan harga setiap ukiran yang telah dijual.

Pengkaji merasakan juga bahawa dengan cara merekodkan semua ini ia akan memudahkan kerja-kerjanya pada masa akan datang sama ada melibatkan dirinya mahupun para pelanggan-pelanggan beliau. Anak-anak beliau yang ingin mewarisi perusahaan ini sudah tentu akan lebih mudah dalam mengatur perancangan bagi meneruskan warisan keluarga ini berdasarkan rekod-rekod yang ada itu.

Walaupun terdapat kebenaran dalam pendapat beliau itu namun masih ada kelemahan yang terdapat di sebalik pemikiran Latif Long itu. Pada fikiran pengkaji dengan tidak memberi makna kepada sesuatu ukiran itu ia akan membuatkan sesebuah ukiran itu nampak kosong jiwanya. Tetapi dengan menerima pemaknaan yang menggambarkan kemanusiaan dan kemasyarakatan sedikit sebanyak ia dapat mengisi jiwa ukiran tersebut. Namun dengan tidak menerima unsur-unsur atau perlambangan yang menyentuh hal-hal keagamaan dan ketuhanan ia seolah-olah menjauhkan seni dengan agama itu sendiri.

Sebagaimana yang diketahui, terdapat ramai yang masih terkeliru apabila membicarakan hubungan antara seni dengan agama. Adalah dibimbangkan apabila pengukir tidak mahu mengisi jiwa hasilan mereka dengan nilai-nilai agama ini ia akan menjadikan hubungan antara seni dengan agama itu sendiri bertambah jauh.

Kesannya nanti masyarakat tidak akan menggangap bahawa kegiatan mengukir ini sebenarnya adalah salah satu cara berdakwah. Sedangkan jika pengisian keagamaan boleh diterapkan dalam hasil sesebuah ukiran ia boleh menjadikan kegiatan mengukir itu sendiri sebagai satu ibadah kepada Allah S.W.T. kerana setiap ibadah itu akan diberi ganjaran pahala, insya-Allah. Dengan ini juga akan menjadikan seni ukiran itu diterima sebagai salah satu daripada 'Kesenian Islam'.

Seseorang yang melihat hasil seni tanpa makna rohani bermakna akan melihatnya pada mata kasar sahaja. Dengan melihat pada mata kasar ia akan membuatkan ukiran itu hanya dibicarakan pada aspek kecantikan fizikal sahaja sedangkan aspak rohaninya akan dilupakan. Apa yang kita ketahui kecantikan itu adalah sifat luaran dan hanya bersifat sementara sedangkan kecantikan dalaman adalah kekal.

Walau bagaimanapun dalam kajian ini pengkaji merasa sedikit terkilan kerana tidak dapat mencungkil segala rahsia berkaitan teknik-teknik yang

dimaksudkan oleh Cik Latif. Di atas sebab-sebab tertentu beliau belum bersedia untuk memberikan segala maklumat itu buat masa ini. Cik Latif meminta para pengkaji bersabar dalam menantikan buku yang akan ditulisnya itu. Sehingga kini pengkaji masih menanti penghasilan buku seperti yang dimaksudkan oleh Cik Latif itu.

4.2.3 Analisis Pemikiran Norhaiza Noordin.

Antara ketiga-tiga tokoh yang dikaji Norhaiza adalah pengukir yang paling muda, dan sebagai pengukir muda beliau juga mempunyai cara atau pemikiran yang tersendiri dalam memperjuangkan seni ukiran Melayu ini. Pemikiran dan cara beliau berkerja juga adalah sedikit jika dibandingkan berbeza dengan kedua-dua orang tokoh yang disebutkan tadi.

Ketika pengkaji menjalankan penyelidikan ke bengkel beliau buat pertama kalinya, pengkaji merasakan sedikit kelainan kerana di halaman rumahnya terdapat dua buah rumah Melayu tradisi yang masih berdiri megah dan kukuh. Rumah tersebut walaupun sudah kelihatan tua usianya namun masih terpelihara rapi.

Pengkaji menjadi bertambah kagum apabila mengetahui bahawa rumah tersebut sebenarnya dibeli oleh Norhaiza dari seseorang apabila tuan rumah

tersebut mahu merobohkannya untuk membina sebuah rumah baru. Bagi menyelamatkan sebuah khazanah yang berharga Norhaiza telah mengeluarkan wang sendiri untuk mendapatkan rumah tersebut. Beliau bersama pekerjanya telah menjalankan kerja-kerja pemindahan rumah tersebut dari kawasan asalnya ke perkarangan rumah beliau.

Daripada maklumat yang diberikan rumah tersebut kini dalam perancangan untuk dijadikan sebuah galeri seni yang mana akan mempamerkan segala koleksi seni beliau terutamanya keris dan ukiran kayu. Beliau juga cuba mewujudkan suasana sebuah rumah tradisi pada rumah tersebut terutamanya pada bahagian dalaman rumah itu sambil mengekalkan struktur asalnya.

Usaha mewujudkan galeri seni ini sedikit sebanyak telah menceritakan serba sedikit tentang diri Norhaiza itu sendiri. Usahanya untuk mendapatkan rumah tersebut atas perbelanjaannya sendiri menunjukkan bahawa Norhaiza ialah seorang penggiat seni yang serius. Minatnya terhadap seni tradisi memang wajar dicontohi kerana pada beliau wang boleh dicari tetapi kehilangan khazanah seni amatlah sukar untuk dicari ganti.

Keputusannya untuk menangguhkan perkahwinannya demi urusan pembelian rumah tradisi itu menunjukkan bahawa Norhaiza meletakkan kedudukan seni itu pada kedudukan tertinggi di dalam senarai kepentingan dalam

kehidupannya. Tegasnya selagi belum memperolehi sesuatu yang diidamkan beliau sanggup berkorban apa sahaja.

Hanya selepas sesuatu usahanya berjaya barulah beliau memikirkan perancangan lain. Beliau bukanlah seorang yang tamak dalam membuat perancangan tetapi adalah seorang yang sentiasa memikirkan sesuatu itu dengan teratur dan terancang.

Sebagai orang muda beliau mempunyai banyak perancangan untuk dilaksanakan pada masa-masa akan datang. Setelah selesai membaiki rumah tradisi yang dibelinya itu beliau kini merancang untuk membesarkan bengkelnya. Bengkel beliau yang terdapat di Kota Raja ini sebenarnya sedang giat dibangunkan sebagai sebuah bengkel yang besar dan dilengkapi dengan peralatan moden terutamanya mesin-mesin yang akan digunakan untuk menyiapkan banyak tempahan yang diterimanya.

Bersama beberapa pelajar yang juga merupakan pekerjanya beliau kini sedang berusaha untuk memenuhi setiap permintaan dengan menyiapkan semua tempahan menepati masa yang telah dijanjikan. Dalam usia yang muda ini juga Norhaiza tidak pernah berasa segan untuk menimba pengetahuan dan bersama dengan gurunya Nik Rashidin beliau kini sedang giat merancang untuk membuat pendokumentasian terhadap seni ukir ini.

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

Berkenaan dengan pemikiran beliau terhadap pemaknaan yang diberikan kepada ukiran Melayu ini beliau jelas menunjukkan pendapat yang berbeza. Dari pengamatan pengkaji Norhaiza meletakkan seni ukir ini pada satu tempat yang tersendiri. Beliau sangat tidak bersetuju sekiranya ukiran-ukiran ini diberikan pemaknaan seperti mana yang dipersetujui oleh ramai orang.

Kecantikan cara hidup dan nilai-nilai sosio-budaya masyarakat Melayu dikatakan sebagai punca sesuatu ukiran itu cantik. Bangsa Melayu yang telah dibekalkan secara semulajadi dengan nilai-nilai murni ini mampu untuk menghasilkan sebuah ukiran yang cantik. Secara logiknya apa yang diperkatakan ini kemungkinan ada kebenarannya.

Ini kerana tanpa jiwa yang bersih dan tenang adalah sukar untuk kita berfikir dengan baik dan melakukan sesuatu itu dengan jayanya. Satu kelebihan daripada pendapat Norhaiza ialah ia menunjukkan bahawa jiwa para pengukir itu adalah sesuatu yang suci, kemas dan berseni kerana ia melakukan sesuatu kerja yang sebenarnya tidak boleh dikuasai oleh semua orang.

Pengkaji menaruh keyakinan terhadap nilai budaya orang Melayu seperti menghormati orang tua, kesetiaan, tolak-ansur dan pelbagai nilai murni sebenarnya telah lama wujud dan keindahan nilai itu tercermin dengan sendirinya pada diri pengukir dan masyarakat Melayu. Oleh itu dalam penghasilan seni

pemaknaan yang diberikan itu sebenarnya tidak dapat tidak mesti ada dalam diri orang Melayu dan karya itu dengan sendirinya.

Sesebuah ukiran itu jika dibuat bertentangan dengan sifat pada ukiran tradisi iaitu misalannya keadaan daun yang mendongak ke atas dan bukan bersifat tunduk ke bawah secara semulajadi akan menjadikan ukiran itu tidak cantik dan tidak teratur. Begitu juga sekiranya ukiran sehelai daun yang bertindih atau kelihatan mencucuk antara satu sama lain akan membuatkan ukiran itu menjadi tidak tersusun dan nampak berserabut.

Dari analisis yang dibuat juga pengkaji meyokong pendapat Norhaiza berkenaan kecantikan atau sifat sesebuah ukiran Melayu itu terjadi sedemikian kerana ilham yang diperolehi oleh pengukir itu datangnya dari Allah S.W.T. dan disampaikan melalui fikiran atau pemerhatian dari alam ciptaan Tuhan. Keindahan yang dikurniakan kepada manusia menjadi asas kepada keindahan ukiran kayu Melayu itu dengan sendirinya

Pengkaji turut merasakan bahawa Norhaiza tidak bersetuju dengan pemaknaan tersebut terutamanya yang menyentuh hal-hal ketuhanan kerana bimbang seseorang itu akan menyalahtafsirkan sesuatu itu dan akan membawa kepada kesesatan. Sama seperti yang telah diperkatakan oleh Latif Long bahawa perkara-perkara berkaitan hubungan seni dan agama jika tidak berhati-hati boleh

menimbulkan kekeliruan dan perbalahan dalam masyarakat. Oleh itu sebagai jalan penyelesaiannya beliau juga berpendirian seni dan agama mesti dipisahkan.

Pemikiran sedemikian boleh mengelakkan salah faham terhadap karya seni. Pengkaji dapat merasakan bahawa Norhaiza sangat takut seandainya pemaknaan yang salah akan membawa manusia kepada kesesatan. Oleh itu untuk mengambil jalan mudah beliau menggelak untuk memberi pemaknaan tersebut.

Apa yang pengkaji sedari jika pengertian atau pemaknaan itu tidak diselewengkan ia berkemungkinan akan dianggap sebagai satu ibadah dan boleh diberikan ganjaran pahala tetapi bagaimana pula jika suatu hari nanti ia disalahtafsirkan, bukankah itu boleh mendatangkan dosa? Kenyataan ini menjelaskan bahawa Norhaiza mahu semua orang berfikir sebelum menerima sesuatu itu dalam kehidupan mereka khususnya yang berkaitan soal seni ini.

Daripada pemerhatian pengkaji juga didapati Norhaiza sangat yakin bahawa kekuatan seni ukir Melayu ini terletak pada kecantikan dan kehalusan ukiran tersebut bukannya terletak pada pemaknaan yang diberikan kepada sesebuah ukiran itu. Beliau juga yakin bahawa kecantikan dan kehalusan tersebut bukanlah disebabkan pemaknaan yang difikirkan oleh para pengukir terhadap ukiran tersebut tetapi terhasil secara semulajadi.

Apabila pengkaji membuat penelitian didapati beberapa kelemahan yang seharusnya difikirkan apabila semua pihak bersetuju atau mahu menerima pandangan beliau ini. Keyakinan pengkaji bahawa pendapat beliau ini tidak boleh diterima sepenuhnya kerana beberapa perkara atau kesan yang akan timbul nanti dan ini wajar difikirkan.

Pengkaji merasakan apabila kita memilih cara pemikiran beliau yang menolak pemaknaan di dalam ukiran, ini adalah membimbangkan kerana ia akan menjadikan keistimewaan kepada seni ukir Melayu ini akan berkurangan. Tanpa disedari suatu hari nanti seni ukir Melayu hanya akan diperkatakan kerana kecantikan luaran atau fizikalnya sahaja sedangkan kecantikan dalaman atau jiwanya tidak diperbincangkan. Ketiadaan itu bukan disebabkan ia tidak wujud tetapi ramai yang tidak mengetahui akan kewujudannya.

Apabila pengkaji melihat hanya kepada kecantikan luaran sahaja bermakna pengkaji akan hanya melihatnya pada mata kasar. Sedangkan menurut Imam Al-Ghazali sendiri bahawa dalam menilai seni kita harus melihat dari dua sudut iaitu pada mata luaran dan dalaman yakni mata hati. Imam Al-Ghazali sendiri turut berkata, keindahan adalah tersendiri yang dihayati kerana Tuhan bukan kerana karya atau perkara lain. Keindahan sesuatu perkara itu terletak pada kesempurnaannya yang disedari melalui sifatnya.(Syed Ahmad Jamal, 1995: 2014 dalam Ismail Hussein dan rakan,1995)

Menurut Syed Ahmad Jamal (1995:2015), Al-Ghazali berpendapat, keindahan luaran yang dilihat dengan mata kasar boleh dialami oleh kanak-kanak tetapi keindahan dalaman hanya dapat diamati oleh mata hati dan cahaya penglihatan batin manusia yang kebiasaannya hanya mampu dilakukan oleh manusia dewasa.

Selain dari itu jika pendapat Norhaiza itu diterima, kita harus memikirkan juga kesannya terhadap kegiatan kesenian itu sendiri. Dengan hanya memperkatakan kesenian pada aspek kecantikan sahaja ia akan menyempitkan ruang dalam memperjuangkan seni itu sendiri. Sebenarnya dalam memberi pemaknaan dalaman ia sebenarnya mengisi keperluan jiwa iaitu sebagai salah satu medan untuk melakukan ibadah.

Secara tidak langsung juga ia akan menjadikan fungsi seni itu terlalu sempit. Sedangkan dalam melakukan sesuatu itu manusia sentiasa mengharapkan agar ia boleh mendatangkan banyak manfaat kepada orang lain. Seperti kata pepatah Melayu *'sambil menyelam minum air'*. Jika kita tidak berani untuk melakukan dua perkara dalam satu masa sebenarnya kita akan kesempitan atau kekurangan masa. Jika pengukir bijak dan tahu berfikir secara matang sudah tentu mereka dapat mencari satu bentuk penghasilan seni yang dapat dipelbagaikan fungsinya.

Selain itu dengan tidak mempersetujui pemaknaan terhadap karya seni ia akan membuatkan masyarakat tidak mahu mengembangkan pemikiran mereka. Ini kerana jika penghayat seni itu mampu berfikir dan sentiasa mencari bahawa ada sesuatu yang terselindung di sebalik sesebuah karya itu ia akan melatih seseorang penghayat itu berfikir dan mewujudkan masyarakat yang gemar berfikir.

Sesuatu yang amat membimbangkan jika kita hanya membincangkan seni ukiran ini pada aspek kecantikan, kehalusan fizikal dan teknik-teknik ukir sahaja, dikhuatiri suatu hari nanti seni rupa Melayu akan menjadi seperti kebanyakan seni rupa Barat iaitu penghasilan sesebuah seni itu hanya menepati konsep ***seni untuk seni***.

Sedangkan dalam seni rupa Melayu semua pengkarya seni memperjuangkan bahawa seni rupa Melayu adalah berperanan sebagai ***seni untuk masyarakat.*** Ini kerana jika seni rupa Melayu sekadar menjadi 'seni untuk seni' sebenarnya kita akan kerugian besar kerana seni sebegitu sekadar 'santapan' mata sahaja tanpa ada fungsi kegunaannya.

Seharusnya masyarakat berbangga dengan seni hasil ciptaan bangsa Melayu adalah sesuatu yang banyak peranannya kerana ia diciptakan dengan fungsi-fungsi yang tersendiri bukan sekadar untuk pameran atau penyedap mata sahaja. Seni yang hanya sebagai penyedap mata tidak memenuhi keseluruhan

tuntutan rohani manusia. Sedangkan 'seni untuk masyarakat' mampu menyentuh secara lebih menyeluruh iaitu bukan sekadar keperluan barangan tersebut untuk kegunaan tertentu oleh manusia tetapi boleh mengisi santapan rohani dan jasmani. Misalnya sebuah ukiran tebuk terus pada dinding rumah, ia boleh menjadi laluan angin untuk menyejukkan rumah dan dalam masa yang sama jika diperhatikan motif ukiran itu ia akan menggambarkan nilai murni masyarakat Melayu

Secara tidak disedari apabila pengukir menerima seni ukir sekadar 'seni untuk seni' sebenarnya ia telah mengikuti atau terpengaruh dengan konsep seni yang dibawa oleh Barat. Kita tidak mahu ukiran Melayu menjadi hiasan dinding semata-mata. Apabila memberi tumpuan kepada kepuasan ekspresif semata-mata bermakna juga seni rupa Melayu, khasnya seni ukir ini akan hilang identiti dan akar umbinya.

Tujuan seni ialah untuk Allah kerana ia memberi kesejahteraan kepada manusia. Oleh itu seni adalah satu unsur untuk memberi kesejahteran kepada manusia. Dengan ini, seni yang menepati konsep Islam bukanlah 'seni untuk seni' dan bukan pula 'seni untuk sesuatu' (takbur, riak, menaikkan syahwat, sanjungan dan yang merosakkan akidah), sekiranya pembentukan seni itu untuk tujuan kemasyarakatan yang mulia, itu adalah bersesuaian dengan seni Islam. (Amir A.Rahman, 1991:135)

Raja Ali Haji di dalam Gurindam Dua Belas Fasal Pertama ada menyebut;

Barangsiapa mengenal Allah,
Suruh dan tegah-Nya tiada ia menyalah.

Barangsiapa mengenal diri,
Maka telah mengenal Tuhan yang bahari.

(Mohd Yusuf dan Abd Rahman, 1993:177)

Dalam memperkatakan tentang seni ukiran Melayu ini seharusnya pengukir Melayu sudah boleh menaruh keyakinan kepada idea mereka sendiri tanpa perlu meniru atau meminjam kepada seni daripada luar. Orang Melayu seharusnya juga menanamkan semangat untuk mempertahankan identiti kesenian bangsanya. Mereka juga perlu mengetahui peranan agama dan kesenian itu sendiri dan jangan tersalah tafsiran. Profesor Diraja Ungku Aziz pernah berkata :

"Melayu sekarang, mereka sudah tidak ada semangat untuk mempertahankan kesenian bangsanya. Oleh sebab tafsiran agama, banyak orang Melayu berfikir tidak payahlah mereka menjadi orang Melayu. Jadi orang Islam sudah cukup. Pada saya orang Melayu mesti menjadi orang Melayu. Di negara Arab, di sana mereka mengutamakan kearaban. Di Afghanistan, meraka Afgan tambah Islam. Orang Iran, dia Iran tambah Islam. Di Malaysia sekarang, Melayu sudah tidak mahu jadi Melayu. Kesenian Melayu perlu diperkenalkan kepada generasi muda. Kita mesti menghidupkannya supaya mereka merasa bangga mereka hidup sebagai orang ***Melayu dan Islam****."*

(Dipetik dari Mingguan Malaysia, 12 Ogos 2001:7)

Demikianlah antara kupasan yang dapat pengkaji lakukan dari pandangan dan pemikiran ketiga-tiga tokoh yang dipilih. Dalam mencari kebenaran ini sebenarnya kita harus menerima kesemua pendapat itu dengan pendekatan secara relatif iaitu bukan berdasarkan emosi dan kepentingan peribadi. Ini kerana kesemua pendapat dan pendirian tokoh-tokoh ini ada kelebihan dan juga kekurangannya. Sebagai penilai dan penghayat seni pengkaji merasakan bahawa kesemua pendapat ini ada jalan penyelasaiannya iaitu dalam mencari kaedah yang benar untuk menghidupkan seni ukir ini

4.3 Rumusan Analisis.

Secara keseluruhannya dalam membuat analisis ini pengkaji menemui beberapa pendekatan yang boleh difikirkan bersama. Pendekatan ini adalah berdasarkan kepada apa yang pengkaji rasakan baik untuk semua pihak sama ada kepada para pengukir lama dan baru serta masyarakat Melayu secara keseluruhannya.

Pertamanya adalah satu yang wajar untuk menerima konsep makna dalam seni ukiran kayu ini untuk menambahkan lagi kredibiliti dan keunggulan bangsa Melayu. Melalui ukiran ini segala nilai-nilai sosio-budaya, identiti bangsa dan nilai estetika yang didukung oleh orang Melayu boleh dan akan terus dicerminkan dalam seni ini. Seperti yang diperkatakan oleh Syed Ahmad Jamal seni adalah

Keempat, adalah dipercayai diperingkat awal sesetengah makna yang diberikan dalam kesenian terutamanya seni ukiran kayu ini direka sebelum sesuatu karya itu siap, dan setelah masyarakat memahami dan menerimanya ia dijadikan panduan, ikutan atau asas dalam kerja-kerja mengukir. Ini bermakna berlaku penambahan dari segi makna terhadap hasil kesenian pada masa ini. Kesenian yang diperlukan pada hari ini bukan sekadar untuk mengisi keperluan jasmani manusia tetapi turut mengisi kepentingan rohani. Sesungguhnya memberikan makna dalam ukiran ada manfaatnya untuk diteruskan.

Kelima pula, pengkaji berpendapat usia boleh mencerminkan pemikiran dan peribadi seseorang. Semakin meningkat usianya semakin banyak pengalaman dan nasihat yang ingin disampaikan kepada generasi muda. Sebagai orang berpengalaman mereka sentiasa mencari jalan untuk menyampaikan nasihat itu dengan berhati-hati ibarat pepatah Melayu '*menarik rambut dalam tepung, rambut tidak putus, tepung tidak berselerak.* Mereka juga tidak pernah kedekut dengan ilmu yang ada. Bagi generasi muda semakin banyak beliau menerima nasihat dan belajar daripada yang lebih tua semakin berpengalamanlah dia. Ditambah dengan tenaga dan semangat yang membara semakin banyaklah usaha dan cita-citanya.

Keenam pengkaji mendapat bahawa tidak terdapat perbezaan yang ketara di dalam hasilan para pengukir yang dikaji ini. Kesemuanya mampu untuk

menghasilkan ukiran yang cantik dan halus. Perbezaan yang jelas wujud di antara ketiga-tiga tokoh ini adalah dari segi pendapat mereka tentang pemberian makna terhadap hasil karya mereka dan nama atau teknik-teknik ukiran yang sedikit berbeza. Pengalaman dan ilmu sahaja yang jelas membezakan ketinggian mutu ukiran mereka.

Ketujuh pula pengkaji mendapati kebanyakan seniman yang ada pada hari ini secara tidak sedar telah meletakkan kepentingan komersial di tempat yang lebih utama. Ini mungkin disebabkan budaya material dan persaingan yang menguasai kehidupan masyarakat. Oleh itu kita tidak boleh menyalahkan mereka jika mereka tidak meletakkan kepentingan sosial masyarakat di tempat yang pertama. Perubahan masa sedikit sebanyak telah mengubah persepsi para seniman terhadap karya mereka. Walau bagaimanapun tidak keterlaluan untuk menyatakan ukiran yang dihasilkan oleh seniman ini semakin lama semakin *Islamic* dari segi motif dan bentuknya.

Pengkaji juga mendapati kesemua tokoh yang dikaji ini mempunyai perancangan yang teliti dalam memastikan perkembangan tradisi ukiran kayu ini. Pengkaji berani membuat kenyataan sedemikian kerana pengkaji mendapati tokoh-tokoh ini mempunyai ramai pelatih yang berguru dengan mereka dan yang lebih utama mereka mempunyai anak yang berminat dan berbakat untuk mewarisi tradisi ini.

Walaupun Norhaiza belum mempunyai anak lagi tetapi pengkaji yakin suatu hari nanti anak beliau akan mewarisi kesenian ini. Malahan perkahwinan beliau dengan seorang wanita yang berminat dan terlibat dalam hal berkaitan warisan kraftangan ini menampakkan ke arah tersebut.

Awan Larat nama diberi,
Motifnya indah pilihan utama,
Patah tumbuh hilang-berganti,
Bergitu juga pusaka lama.

Akhir sekali jelaslah di sini bahawa kesenian itu lahir dari jiwa seniman yang menghasilkannya, kita boleh mengenali seniman itu dengan melihat pada hasil karyanya. Pengamatan terhadap karya seni itu dapat disedarai dan dirasai dengan pengamatan hati yang tajam. Melalui seni para seniman cuba berkomunikasi dengan penghayatnya dan karya tersebut merupakan penjalin antara dua insan. Untuk memahami komunikasi yang terkandung itu kita memerlukan penghayatan dan ilmu, tanpa ilmu rahsianya amat sukar dicungkil.

Daripada maklumat yang diperolehi pengkaji cuba meringkaskannya di dalam bentuk jadual seperti di sebelah. Berdasarkan jadual tersebut dapat kita melihat akan persamaan dan perbezaan pemikiran mereka.

TOKOH	TEKNIK	LOKASI	MOTIF	TAHAP PERLAMBANGAN	GAYA PENGOLAHAN
Wan Su. (103 tahun)	Tebuk timbul.	Dewan Santapan Istana Selangor.	Cembung dan Peria.	Kehidupan, Kemakmuran, Kesuburan dan pemerintahaan.	Abstrak.
Wan Su	Tebuk timbul.	Pintu dan jendela Rumah Sri Tanjung.	Bunga Tanjung.	Selamat datang dan simbol kehidupan.	Abstrak.
Wan Su	Tebuk Timbul.	Logo dan meja pejabat MAS.	Wau dan Awan Larat.	Gagah di angkasa.	Abstrak.
Latif Long. (56 tahun)	Tebuk timbul.	Pintu Dewan Santapan Muzium Terengganu	Bunga Kacang, Ketam Guri dan Dala.	Simbol kesihatan. (ubatan Tradisional)	Abstrak.
Latif Long.	Tebuk timbul.	Arkib Negara.	Daun Sayap dan daun Pakan.	Kecantikan dan kelembutan.	Abstrak.

TOKOH	TEKNIK	LOKASI	MOTIF	TAHAP PERLAMBANGAN	GAYA PENGOLAHAN
Latif Long.	Tebuk terus dan timbul	Bank Bumiputera.	Bunga Raya, Sayap dan Ketam Guri.	Kelembutan.	Abstrak.
Norhaiza Noordin. (33 tahun)	Tebuk terus.	Lobi Hotel Andrew Anderson.	Daun Budi dan Ketam Guri.	Pilihan pengukir.	Abstrak.
Norhaiza Noordin.	Timbul dan tebuk terus.	Pintu Masjid Mukah.	Ketumbit dan Ketam Guri	Pilihan pengukir.	Abstrak.
Norhaiza Noordin.	Tebuk terus dan timbul.	Andaman Resort Langkawi.	Daun Kerak Nasi dan daun Budi.	Pilihan pengukir.	Abstrak.

Jadual 1: Pengukir dan karya.